

Peniaga terjejas, tutup perniagaan seminggu

“SEMASA bahagian dapur rumah saya dinaiki air, sebenarnya sudah ada dua tong nasi dengan lauk pauk sedia untuk dijual di sebuah kedai kopi berhampiran. Ketika itu, saya sudah terbayang kerugian yang bakal dihadapi.

“Apabila satu-persatu bot anggota penyelamat memasuki laman rumah saya membelikan makanan bagi mangsa-mangsa banjir, saya berasa sangat bersyukur kerana masih ada rezeki buat kami sekeluarga dalam keadaan bencana itu.”

Demikian cerita **Ahmad Sis Gedik**, 64, apabila diminta mengimbau kembali kejadian banjir besar yang berlaku kira-kira 42 tahun lalu.

Dia yang menumpang berniaga di sebuah kedai kopi di Kampung Baru pada ketika itu berkata, pada mulanya dia sekeluarga tidak menyedari bahagian dapur



AHMAD SIS GEDIK

rumah dinaiki air kerana kedudukan ruang tamu yang lebih tinggi.

Dia yang memulakan perniagaan seawal pukul tujuh pagi, terkejut apabila melihat keadaan sekeliling termasuk jalan-jalan raya sudah ditenggelami air.

“Tak sangka pula, rezeki saya pada hari itu masih ada walaupun hanya berniaga di atas rumah sahaja. Habis semua makanan tersebut terjual sehingga kami sekeluarga pula yang tidak mempunyai makanan pada hari tersebut,” katanya sambil tersenyum.



MD. BASIR MD. ALI

Akibat kejadian banjir tersebut, tambah Ahmad, hampir seminggu dia hilang mata pencarian kerana menantikan banjir surut.

Lain pula cerita **Md. Basir Md. Ali**, 62, yang berniaga makanan secara kecil-kecilan bersama bapanya di Jalan Rodger (kini Jalan Hang Kasturi) apabila hilang mata pencarian hampir dua minggu kerana gerainya musnah akibat banjir tersebut.

Walaupun hujan turun tidak berhenti-henti selama dua minggu, dia tidak menyangka Sungai Klang yang terletak berhampiran gerainya akan melimpah secara tiba-tiba pada tengah malam tersebut.

“Kami tidak dapat menyelamatkan barang di gerai kerana telah pulang ke rumah. Hendak pergi balik jalan sudah banyak ditutup kerana air sudah naik sehingga ke paras pinggang. Mujurlah, pada masa itu kami tidak banyak menyimpan bekalan makanan kering mahupun basah di gerai tersebut.

Beliau menganggarkan, kerugian akibat banjir tersebut antara RM300 hingga RM400.

Kata Md. Basir, walaupun jumlah tersebut kedengaran kecil pada masa kini tetapi sangat besar nilainya pada tahun 1970-an. Apatah lagi kehidupan mereka sekeluarga pada masa itu ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Akibat banjir itu, dia dan bapanya terpaksa bermula dari ‘kosong’ untuk membuka semula perniagaan makanan tersebut.

“Disebabkan tidak mempunyai simpanan untuk dijadikan modal bagi memulakan perniagaan, bapa terpaksa bergolok-bergadai bagi meneruskan kelangsungan hidup kami sekeluarga.

“Bukan sahaja kami mengalami kesukaran untuk mendapatkan modal, tetapi pada masa tersebut juga susah untuk mendapatkan bekalan makanan kerana pasar-pasar utama di Kuala Lumpur seperti pasar Chow Kit juga ditenggelami air,” katanya.